



A.KADIR JASIN
Tokoh Wartawan Negara 2011
kadinasin.blogspot.com



BANJIR

Padah Abai Alam Semula Jadi

Akhir tahun 2014, negara kita dilanda banjir. Kemuncaknya, lebih 200 ribu orang mangsa terpaksa meninggalkan kediaman mereka. Laporan media massa mengatakan bencana tersebut merupakan antara kejadian banjir terbesar pernah dialami. Boleh dikatakan seluruh Semenanjung Malaysia mengalaminya. Negeri yang paling teruk dilanda ialah Kelantan, Terengganu dan Pahang.

SEPERTI yang saya ceritakan sebelum ini, banjir yang menjadi tajuk berita kebanyakan media merupakan perkara biasa yang tidak diuar-uarkan ketika saya kanak-kanak dan remaja di kampung pada pertengahan abad lepas. Pada waktu itu, banjir ialah kejadian alam yang diterima sebagai kemestian. Setiap orang yang berkemungkinan mengalaminya, perlu bersiap sedia. Jarang-jarang sekali mereka disebut mangsa dan diberikan bantuan.

Malah yang mengalaminya pun tidak menganggap diri mereka mangsa kerana mereka tahu dan menerima banjir sebagai sebahagian daripada putaran hidup, peralihan masa dan perubahan musim. Kehidupan mereka terikat, sebat, dan serasi dengan alam semula jadi. Mereka menerima hakikatnya dengan bersedia menghadapi kejadian alam seperti banjir, kemarau, angin ribut, dan ombak besar. Daripada amalan dan pengalaman hidup yang serasi dengan alam semula

jadi itu, maka terbitlah pepatah “kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai” dan “sekali air bah sekali pasir berubah.” Mereka memerhati dan belajar daripada alam sekeliling mereka. Maka kalau mereka berumah di tepi sungai, mereka melakukannya mengikut pilihan dan dengan kepakaran. Dari sungai mereka memperoleh air dan dari sungai juga mereka mencari rezeki dengan menangkap ikan, menuai daun nipah untuk dijadikan

atap, menderung untuk dijadikan tali atau anyaman, dan rumput untuk makanan haiwan ternakan. Sungai juga menjadi saluran pengangkutan. Pelbagai kenderaan air digunakan - rakit, perahu dan motobot. Rumah didirikan dengan kedudukan yang tinggi menggunakan tiang kayu, buluh atau nibung. Setiap rumah menyimpan perahu atau rakit. Tanah tinggi yang dipanggil “*banggul*” dikenali pasti untuk dijadikan tempat menambat kerbau

dan lembu apabila banjir melanda. Rumput dan jerami disediakan untuk makanan ketika padang ragut ditenggelami banjir. Orang dahulu banyak yang tidak bersekolah, tetapi mereka hidup selamat kerana mereka belajar daripada alam sekitar dan mereka menghormati alam semula jadi anugerah Tuhan. Pada waktu itu, hanya mereka yang mengenali laut dan berani dilambung ombak sahaja akan berumah di tepi pantai dan yang mengenali sungai serta berani ditenggelami kedudukan yang tinggi menggunakan tiang kayu, buluh atau nibung. Setiap rumah menyimpan perahu atau rakit. Tanah tinggi yang dipanggil “*banggul*” dikenali pasti untuk dijadikan tempat menambat kerbau

alam semula jadi dan mereka tidak berminat mempelajarinya. Tambah memburukkan keadaan apabila jumlah penduduk yang semakin tinggi. Tapak yang sesuai dan selamat untuk mendirikan tempat tinggal semakin hari semakin berkurangan. Maka dataran sungai yang sering ditenggelami banjir, lereng bukit yang terdedah kepada tanah runtuh, paya yang menjadi kawasan takungan semula jadi, dan pinggir pantai yang kerap dilanda badai semuanya ditukar menjadi kawasan penempatan. Dataran banjir dan pinggir pantai ditambak, sungai dibendung, bukit diratakan, dan paya ditimbus. Gunung-ganang ditarah untuk mendapatkan balak dan dijadikan ladang. Gunung-ganang yang

bogel mempercepat aliran permukaan ketika hujan dan memburukkan hakisan. Tasik dan sungai ditimbus pasir dan lumpur. Maka apabila hujan lebat berlaku di hulu, banjir melanda dengan pantas dan ganas. Hal ini tambah diburukkan oleh kesan pemanasan global yang semakin ketara. Cuaca dunia semakin tidak menentu. Pencairan ais di Kutub Utara dan Kutub Selatan serta sungai air batu menyebabkan paras air laut meningkat. Pasang surut laut menjadi semakin ekstrem. Kawasan rendah di pinggir pantai mula diserapi air masin. Antara fenomena yang dikenal pasti sebagai penyebab banjir besar yang melanda negara kita pada akhir tahun 2013 ialah air pasang besar yang berlaku serentak dengan hujan lebat yang mengakibatkan

sungai sebak dan menyekat pengaliran air ke laut. Secara kesimpulannya, kita tidak dapat lagi lari daripada menerima hakikat bahawa manusia kini sedang membayar harga yang tinggi akibat ketamakan mereka menggunakan sumber alam semula jadi dan mengabaikan tanggungjawab sebagai pemegang amanah di muka bumi. Kalau kesedaran dan sikap ambil peduli terhadap alam semula jadi tidak ditingkatkan segera dan sifat tamak tidak dikawal, keadaan akan menjadi bertambah genting. Akhirnya, tamadun manusia akan kacau-bilau akibat kekurangan sumber dan perebutan untuk menguasai apa-apa yang masih ada. Wallahuaklam.

